

MPOB Akan Buka Pejabat di India tahun Depan, kata Douglas Unggah

Bernama

Jun 26, 2014

Oleh Zarul Effendi Razali

MUMBAI, 26 Jun (Bernama) -- Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan membuka pejabat perkhidmatan teknikal dan penyelidikan minyak sawit di India pada tahun depan, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Amar Douglas Unggah Embas.

MPOB kini mengkaji lokasi dari segi tempat, kepentingan tempatan dan permintaan bagi produk minyak sawit bagi penubuhan pejabat berkenaan.

"Untuk makluman anda, hanya ada satu pejabat sedemikian hari ini, yang terletak di China, dan kami melihat kewujudan pejabat itu telah membawa kepada kerjasama mengenai bagaimana minyak sawit boleh membantu sektor makanan dan bukan makanan bagi kedua-dua negara.

"Oleh itu, kami merasakan terdapat keperluan untuk menubuhkan pejabat sedemikian di India dan kami sedang mencari dalam tempoh setahun bagi penubuhan pejabat itu.

"Kita boleh memulakan kerja-kerja kerjasama dengan universiti-universiti India dan sektor swasta mengenai penggunaan minyak sawit," katanya pada sidang akhbar bersempena Pameran dan Seminar Perdagangan Minyak Sawit (POTS) Malaysia-India 2014 di sini.

Beliau berkata objektif utama penubuhan pejabat di India ialah untuk bekerjasama dengan universiti dan sektor swasta mengenai bagaimana minyak sawit boleh menambah baik produk makanan, antara lain, dalam memelihara kualiti.

"Di China, pejabat penyelidikan telah menjalankan kajian ke atas 17 produk yang membuktikan bahawa minyak sawit adalah minyak terbaik untuk digunakan bagi produk ini. Pada masa ini, satu daripada pengeluar utama mi segera telah menggunakan minyak sawit.

"Itulah yang kami mahu lakukan di India, untuk bekerjasama dengan sektor swasta dan universiti untuk melihat pelbagai makanan di India yang belum lagi beralih kepada kepada minyak sawit.

"Kami cuba untuk meyakinkan mereka bahawa minyak sawit adalah yang terbaik untuk produk mereka," katanya.

Bertemakan "Mengurus Cabaran dan Mewujudkan Peluang melalui Minyak Sawit Malaysia", POTS 2014 bertujuan untuk mengetengahkan isu-isu kepentingan bersama, selain meneroka peluang-peluang baharu untuk mengembangkan aktiviti perniagaan mereka.

Acara dua hari itu dianjurkan bersama oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia bagi menangani isu-isu perdagangan minyak dan lemak, dengan sokongan Persatuan Pengekstrak Pelarut India.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049697>